

Penjawat awam boleh tegur PM, menteri

BH - 17/1/2023 mlk: 1 & 2

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata pegawai dan kakitangan awam perlu menegur sebarang keputusan dibuat oleh Menteri, termasuk Perdana Menteri, jika ia didapati melanggar peraturan dan

undang-undang.

Perdana Menteri berkata, pegawai yang melaksanakan arahan yang mengandungi apa disifatkan sebagai keterlanjuran tidak boleh dipersalahkan berikutan ia diminitkan oleh menteri menyebabkan mereka mematuhi.

“Saya tekankan penguatku-

saan. Apa yang saya pelajari terutama di Kementerian Kewangan... melihat banyak fail ada banyak keterlanjuran.

“(Bagaimana) Nak salahkan pegawai kalau minit daripada menteri apatah lagi Perdana Menteri dia patuh.

Nasional 2



Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berucap pada Perjumpaan Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Dataran Perdana Putra, Putrajaya, semalam.

(Foto Aizuddin Saad/ BH)